

DATE: 10 / 11 / 2007

Kepimpinan Abdullah kukuhkan keyakinan rakyat

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengukuhkan lagi keyakinan ahli-ahli parti kepada kepimpinan beliau yang tegas dan berani.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberitahu, ucapan Presiden itu telah memperjelaskan persoalan tentang perjuangan parti, dasar kerajaan, perkongsian kuasa dan juga soal keselamatan

serta demokrasi jalanan yang bukan amalan di negara ini.

"Ketegasan Presiden ini akan mengukuhkan kedudukan beliau sebagai pemimpin kerajaan dan parti serta rakyat cukup yakin kepada kepimpinan Presiden parti.

"Saya mengharapkan mereka yang mendengar ucapan beliau itu akan mendengar nasihat yang diberi agar negara aman tenteram serta tidak ada pergolakan dan

ini perlu dipelihara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengenai ucapan penggulungan Abdullah pada Perhimpunan Agung UMNO 2007 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Muhyiddin menambah, peringatan mengenai pilihan raya pula akan membolehkan pemimpin dan ahli-ahli bersedia untuk menghadapinya serta memastikan kejayaan yang cemerlang.

Beliau memberitahu, ucapan tegas Perdana Menteri itu akan mengukuhkan lagi UMNO sebagai tonggak Barisan Nasional (BN) dan komitmen beliau cukup tinggi untuk mengatasi masalah negara.

Mengenai subsidi negara pula, beliau berkata, ucapan Abdullah menjelaskan cara dana negara akan diurus pada masa depan bagi berdepan dengan persaingan negara seperti India dan China.

Um - 10/11/2007